

20/03/2003

Syor larang ahli aibkan anggota lain

SEORANG ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) mahu Menteri yang terbabit dengan penggubalan undang-undang membuat satu ketetapan (peraturan mesyuarat) bagi melarang ahli Dewan Rakyat mengeluarkan kenyataan mengaibkan anggota lain.

Wakil rakyat Sipitang, Datuk Dr Yusof Yacob, berkata kecenderungan mengeluarkan kenyataan menghina, memperkecil serta merendahkan martabat orang lain semakin menular dalam persidangan Dewan Rakyat.

Katanya, pelaksanaan undang-undang larangan berkenaan bukan saja meliputi ahli Dewan Rakyat penyokong kerajaan malah parti pembangkang.

Malah, beliau berkata, larangan mengeluarkan kenyataan itu juga bukan saja tidak dibenarkan ketika persidangan Dewan Rakyat, tetapi juga dalam ceramah politik di luar.

"Menteri Undang-Undang perlu mengkaji perkara ini supaya dibuat ketetapan bahawa kita tidak boleh mengaibkan orang lain lebih-lebih lagi menghina, memperkecil, merendahkan maruah pemimpin sama ada (oleh) Pas, parti pembangkang lain atau Barisan Nasional," katanya ketika mengambil bahagian dalam sesi perbahasan menjunjung titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau yang kecewa dengan kecenderungan itu, berharap ia dapat dihentikan supaya tidak menjadi amalan generasi muda.

"Ini (menghina) sudah menjadi perkara biasa, bila berceramah saja bila mengaibkan orang lain dapat tepukan. Apa akan jadi pada masyarakat kita di masa akan datang?," katanya.

Dr Yusof berkata, tanggungjawab ahli Parlimen bukan saja sebagai orang kenamaan yang terkenal tetapi pada masa yang sama bersikap budiman.

Katanya, perkara itu perlu dibendung dengan melihat kepentingannya dari segi jangka panjang dalam usaha kerajaan mewujudkan masyarakat bertamadun di negara ini.

Beliau memberi contoh bagaimana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri tidak terkecuali menjadi sasaran penghinaan pembangkang kerana dianggap tidak layak menjadi Menteri Kewangan untuk membentangkan bajet negara.

Dr Yusof mendedahkan bagaimana Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr Hassan Ali membandingkan dirinya dengan Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Mokhtar Radin, sebagai 'langit dan bumi'.

Malah, katanya, keangkuhan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dapat dilihat apabila menggunakan ungkapan sinis "kalau kail panjang sejengkal" kepadanya ketika beliau pernah mencelah ketua pembangkang itu untuk membuat penjelasan.

"Selagi ada unsur-unsur begini, saya tidak melihat dalam masa yang terdekat ini kita boleh mencapai tamadun 'First world infrastructure and

mentality' sedangkan kita masih lagi dalam 'First world infrastructure'  
tetapi mentaliti dunia ketiga," katanya.